



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



# TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA

Bil Keluaran : 01 Siri : 1435H/01

Edaran untuk ahli sahaja

Bulan : Muharam-Safar 1435H ( Disember 2013 )

## Taujihat



Ustaz Dr Mohd Parid  
Sheikh Ahmad  
Presiden IKRAM  
- m/s 2 -

## KALAM IFTITAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman Allah s.w.t.:

رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ

“Ya Tuhan Kami, berilah keputusan Antara kami dan kaum kami dengan baik (adil). Engkaulah pemberi keputusan yang terbaik”.  
(Surah Al-A'raaf: 89)

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah s.a.w., kaum keluarganya, para sahabatnya serta pengikut setianya..

Ikhwah dan akhawat sekalian,

Jawatankuasa Tarbiah Pertubuhan Ikram Malaysia dengan sukacitanya melancarkan Buletin Tarbawi secara berkala dwi bulanan yang dinamakan “Tarbiatuna” sebagai jambatan perhubungan dengan kalian semua. Ia sebagai bekal buat kita semua di sepanjang jalan dakwah kita yang berkat ini, juga berdasar tabiat manhajnya yang syumul dan tulen. Ia berjalan di atas landasan yang telah digariskan ciri-cirinya oleh Imam Syahid Hasan Al-Banna dan para sodiqin yang datang selepasnya. Sesungguhnya inilah jalan tarbiah dan takwin di mana ia bermula dengan tarbiah dan pembentukan individu sehingga sampai kepada penegakan khilafah rasyidah dan ustaziyyatu al-alam (order baru) dengan izin Allah s.w.t.

Kami ucapkan tahniah kepada semua pihak untuk dua suasana; pertama bersempena kedatangan tahun baru hijrah 1435H dan kedua bersempena terbitnya keluaran pertama Buletin Tarbawi (Tarbiatuna). Kita berdoa kepada Allah s.w.t. semoga ia menjadi pembukaan yang baik untuk perkembangan dakwah kita di Negara yang baik ini dan semoga ia memindahkan kita ke ufuk tarbiah kita yang asolah (tulen).  
Firman Allah s.w.t.:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ

“Katakanlah (wahai Muhammad), dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Itu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan”. (Surah Yunus: 58)

Segala pujian tertentu bagi Allah s.w.t. jua....

Editor

## Kandungan :

- Turath Imam Hassan Al-Banna
- Sebahagian Aktiviti Kita
- Perwarisan Tarbiah
- Maktabah Tarbiah : Apa Ertinya Saya Berintima' Dengan Dakwah
- Pesanan Al-Banna

## Mutiara Al-Quran



هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Dia-lah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan Hikmah (As Sunnah). Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata.

(Surah Al Jumuaah :2)

## Mutiara Hadith

Daripada Shaddad Ibn Aws RA katanya : Telah bersabda Rasulullah S.A.W. “Orang yang cerdik itu ialah orang yang menghisab dirinya dan beramal dengan amalan yang bermanfaat untuk hari selepas matinya. Dan orang yang lemah itu ialah orang yang mengikut hawa nafsunya dan berangan-angan terhadap Allah Ta'ala”.



## Mutiara Hikmah

“Apabila anda mendengar azan maka bangunlah sembahyang serta-merta walaupun keadaan sekalipun”

Imam Hassan  
Al-Banna





Wahai Ikhwan,

Berimanlah dengan Allah, berbanggalah dengan mengenaliNya, berpegang dan bergantung kepadaNya. Janganlah kamu takut dan gerun kepada selainNya. Tunaikanlah apa yang telah difardhukan dan jauhilah segala laranganNya.

Berakhlaklah dengan semua sifat kepujian dan berpeganglah dengan sifat kesempurnaan. Jadilah kamu golongan yang kuat dengan akhlak kamu, rasa mulia dengan kurniaan Allah kepada kamu sebagai orang-orang mukmin yang bertakwa lagi soleh.

Bukalah hati kamu terhadap al-Quran dengan mengkajinya, terhadap sirah yang suci dengan menghayatinya. Jadilah kamu golongan yang beramal, bukan golongan yang berbantah - bantahan. Apabila Allah memberi petunjuk kepada sesuatu kaum, Dia akan mengilhamkan mereka untuk beramal. Dan tidak berlaku kesesatan sesuatu kaum setelah diberi petunjuk kecuali mereka itu berperangai suka berbantah bantahan.

Hendaklah kamu berkasih sayang antara sesama kamu. Peliharalah hubungan sesama kamu kerana ia adalah rahsia kekuatan kamu dan tiang kejayaan kamu. Thabatlah kamu sehingga Allah membuka antara kamu dan kaum kamu dengan kebenaran dan Dialah (Allah) sebaik-baik yang membuka kebenaran.

Dengar dan ta'atilah terhadap qidah kamu dalam keadaan susah, senang, rela atau terpaksa. Maka ia adalah lambang fikrah kamu. Ia juga adalah gelang perhubungan sesama kamu.

Hendaklah kamu menunggu-nunggu selepas itu pertolongan dan sokongan Allah. Peluang tersebut pastinya akan datang tanpa ragu-ragu....

(Risalah Antara Semalam dan Hari Ini).



Setinggi-tinggi pujian kepada Allah s.w.t diatas segala nikmat kurniaannya, salawat dan salam ke atas junjungan nabi kita yang mulia Muhammad s.a.w, juga keluarga dan sahabat-sahabat baginda seluruhnya dan para pengikut mereka yang menjejak jejak perjalanan Rasullullah sepanjang kehidupan mereka dengan sebaik-baik ikutan.

Tahniah kepada JKTP diatas kejayaan menerbitkan bulletin sulung "TARBIATUNA", semoga ia akan dapat membantu membangun kecelikan dan kepekaan tarbiah dikalangan ahli-ahli IKRAM.

Pentarbiihan ahli merupakan salah satu aktiviti teras yang berlangsung dikalangan ahli-ahli IKRAM, menerusinya ahli-ahli baru dipertingkatkan ketahap yang lebih tinggi lagi agar mereka memiliki keperibadian Islam yang meningkat sempurna, tahap keimanan yang dalam, pemahaman yang halus serta amal yang berterusan.

Usaha-usaha pentarbiahan ahli merupakan aktiviti utama yang akan menjamin kelangsungan IKRAM, kemajuannya, peningkatan keupayaannya untuk memimpin ummah dan masyarakat pada masa-masa hadapan.

Justru seluruh ahli perlu meneruskan usaha-usaha pentarbiyahan diri, keluarga dan lingkungan agar berlaku peningkatan kualiti diri, pembaikan

## Bergerak ke Hadapan Memperkasa IKRAM

lingkungan yang akan banyak membantu IKRAM mengangakat keupayaannya memperbaiki situasi ummah dan negara.

Perlu difahami, usaha-usaha tarbiah merupakan proses yang berterusan, setiap waktu. Semua ahli perlu memantau perkembangan diri masing-masing menerusi berbagai-bagai pendekatan seperti menerusi pendekatan-pendekatan berikut:

- A) 1- Pembersihan diri " تزكية النفوس "
- 2- Pembinaan dan pengembangan diri " تنمية النفوس "
- B) 1- Usaha mendisiplinkan diri " مجاهدة النفس "
- 2- Menghitung kedudukan diri " محاسبة النفس "
- 3- Memerhati pementauan Allah s.wt " مراقبة الله "

C) Menerusi pemantauan senarai kewajipan harian, mingguan, bulanan dan tahunan yang perlu dilaksanakan oleh seorang muslim yang berjuang bagi menegakkan kalimah tauhid diatas muka bumi Allah ini.

D) Menerusi iltizam dengan semua tuntutan wasail tarbawi yang sama-sama kita fahami bagi memastikan kita kekal istiqamah dan meningkat di atas jalan dakwah.

E) Menerusi pembabitian diri dalam berbagai-bagai usaha tarbawi :

- 1- Tarbiyah zatiah (diurus sendiri )
- 2- Tarbiyah minhajiah (diurus IKRAM )
- 3- Tarbiyah maidaniah



(menerusi penglibatan di medan perjuangan )

Ahli-ahli IKRAM yang memperoleh tarbiah perlu mentarbiah lingkungannya, keluarga, masyarakat dan ummah sekitarnya, agar tarbiah yang kita inginkan akhirnya berupaya menyantuni mereka semua, berjaya melahirkan sebaik-baik umat :

Firman Allah s.w.t:

" كنتم خير أمة أخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر وتؤمنون بالله "

(Surah Al-Imran : 110)

Yang bermaksud: " Kamu adalah sebaik-baik umat yang telah dikeluarkan dikalangan manusia. Kamu menyuruh perkara yang makruf dan mencegah perkara yang munkar serta beriman dengan Allah ".

Dengan inisiatif sedemikian, akan lahirlah ummah yang baik dan memperbaiki lingkungannya, umat yang saleh dan musleh. Umat dengan persekitaran yang memungkinkan Islam dijunjung, diperjuangkan dan didaulatkan pada akhirnya.

Sekian dahulu,

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب

العالمين



## Dakwah dan Doa

Bersyukur ke hadhrat Ilahi kerana kita masih diberi kesempatan untuk meneruskan kehidupan yang indah ini. Hidup ini akan lebih indah apabila hubungan kita dengan Allah sentiasa terpelihara. Marilah sama-sama kita menjaga hubungan yang terpenting ini. Hubungan yang akrab dengan Allah s.w.t. inilah yang akan menjamin tugas dakwah kita membekas di jiwa para mad'u kita (mereka yang kita seru).

Imam Syahid Hasan Al-Banna pernah menukikkan jawapannya yang cukup indah bila ditanya apakah rahsia dakwahnya begitu berpengaruh di kalangan masyarakat terutama pemuda pemudi di Mesir ketika itu, beliau menjawab:

"Saya menyeru (berdakwah) mereka pada waktu siang dan pada waktu malam saya mendoakan (kepada Allah) pula untuk mereka (agar hati mereka menjadi lunak)".

Sesungguhnya ia adalah akhlak para pendakwah dan murabbi (pendidik) bersama para mutarabbinya (murid) ketika para pendakwah sibuk menyantuni mereka pada siangnya, dan tidak lupa mendoakan untuk mereka pada malamnya. Ia adalah suatu pelajaran di sepanjang jalan dakwah ini. Apakah pengajaran yang dapat kita fahami dari jawapan ringkas di atas?

1. Dakwah ini adalah milik Allah. Allah menyuruh kita menyampaikan risalah ini kepada manusia. Kerja kita para pendakwah hanya menyampai, bukan memaksa mereka menerima. Justeru metodologi penyampaian harus disesuaikan dengan laras bahasa yang lunak dan menarik. Mungkin pelbagai cara harus digunakan.

2. Hati manusia berada di dalam genggamannya dan kekuasaan Allah s.w.t. Dia membolak-balikkan hati manusia mengikut kehendaknya. Walau bagaimana hebat seorang pendakwah itu, ia bukan jaminan penerimaan manusia. Maka banyakkannya bermunajat kepada Allah siang dan malam kerana hidayah adalah milik Allah s.w.t.

3. Mengetuk telinga siapa yang kita seru dengan menunjuk ajar, memberi nasihat dan panduan sahaja tidak mencukupi, ia mesti disusuli pula dengan doa untuk mereka di dalam ibadat kita bersama Allah s.w.t. terutama pada waktu malam yang amat berharga itu, kerana mengadap Allah di waktu malam itu adalah rahsia penerimaan manusia yang kita dakwahkan.

4. Hidayah adalah milik Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. berdakwah kepada bapa saudaranya Abu Talib, namun baginda tidak berjaya mengislamkannya. Allah memberi hidayah kepada siapa yang dikehendakinya. Kita hanya merancang dan berusaha. Dia yang menentukan.

5. Dakwah tidak berhajat kepada kita, akan tetapi kita amat berhajat kepada usaha dakwah ini demi menyelamatkan diri dari azab Allah s.w.t. Bacalah firman Allah di dalam surah Al-Soff ayat 10. Allah menjelaskan bahawa berniaga denganNya akan menyelamatkan kita semua dari azab yang pedih.

Semoga kita semua dapat thabat di atas jalan yang kita pilih ini sehingga ke penghujung hayat kita. Jadilah kalian manusia yang sentiasa merindui Allah dan mendambakan redhonya.

## Niat Ikhlas dan Tujuan Murni

Sesungguhnya Ikhlas kerana Allah dalam perkataan dan perbuatan, dalam sembunyi dan terang adalah di antara perkara yang sangat penting yang perlu melazimi seorang Dai yang benar di atas jalan dakwah. Kerana Allah swt tidak menerima perkataan dan perbuatan melainkan yang dibuat ikhlas untuk mendapatkan redha Allah swt.

"Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab (al-Quran) kepadamu (Muhammad) dengan (membawa) kebenaran. Maka sembahlah Allah dengan tulus ikhlas beragama kepadaNya. Ingatlah! Hanya milik Allah agama yang murni (dari syirik) ..." (az-Zumar : 2-3).

Dan kerana kepentingan ikhlas inilah Imam al-Banna meletakkannya sebagai salah satu rukun dakwah yang paling penting dengan berkata : "Apa yang saya maksudkan dengan Ikhlas ialah saudara muslim itu meniatkan setiap kata, tindakan dan jihad yang dilakukan hanya untuk Allah, mencari keredhaan dan ganjarannya tanpa mengharapkan harta atau kemasyhuran atau kedudukan atau pangkat atau kemajuan atau kemunduran. Ini bermakna dia merupakan pejuang fikrah dan akidah bukan memperjuangkan matlamat dan kepentingan peribadi. (Risalah Taalim).

Yang demikian itu disebabkan riya (syirik yang tersembunyi) adalah penyakit yang merbahaya dan kejahatan yang meracun yang berpunca dari tuntutan nafsu dan was-was syaitan. Ia adalah penyakit yang paling merbahaya kerana ianya menggerakkan perasaan individu dan mengarahkan kehendak dan

Kecenderungannya sehinggalah akhirnya merosakkan perjalanan dan mensia-siakan amal dan menghilangkan pahala. Walaupun dengan banyaknya amal dan luasnya pergerakan, akan tetapi dengan tiada keikhlasan, amal tersebut akan hilang dan rugi. Rasulullah saw telah bersabda kepada Muaz bin Jabal : "Ikhlaslahlah amalmu, Amalmu yang sedikit itu pasti akan diganjari"

Oleh kerana itu, hati akan bahagia dan tenang selepas setiap usaha yang ikhlas. Bertambahlah kehidupan, hidayah dan taqwa.

"Dan orang-orang yang mendapat petunjuk, Allah akan menambahkan petunjuk kepada mereka dan menganugerahi ketaqwaan mereka." (Muhammad : 17).

Marilah kita sama-sama menyebut syiar kita (Allahu ghayatuna – Allah matlamat kami) kerananya dengan keikhlasan akan menurunkan keberkatan demi keberkatan, merealisasikan kemenangan demi kemenangan, dan menyebarkan kebaikan dan mengurangkan kekecewaan. "Sesungguhnya akan terselewang atau tergelincirlah orang yang tidak ikhlas."

Dari sini, wajiblah kepada setiap Dai untuk memerhatikan hati mereka dan sering bertanya kepada diri mereka sebelum setiap amal serta bermujahadah ketika beramal sehinggalah selesai, tanpa membuka sedikit pun ruang untuk kepentingan diri, hawa nafsu, perasaan untuk dikenali dan diperakui dikalangan manusia. Semua itu adalah keinginan yang keji dan ganjaran yang sangat sedikit. Semoga Allah memberikan kita semua rezeki untuk ikhlas dan memurnikan tujuan.



## Jam'iah Umumiah : Pengurusan JK Tarbiah

23 November, Hulu Langat - Pihak JKTP telah mengadakan program yang menghimpunkan sekretariat JK Tarbiah di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah dari seluruh negara .

Perhimpunan ini bertujuan memantapkan komunikasi JK Tarbiah disemua peringkat, perkongsian pengalaman di dalam menyelesaikan pelbagai

cabaran , meluaskan serta menggariskan visi dan pementauan di dalam gerakerja tarbiah di samping menyediakan ruang bermu'asyarah di peringkat negeri dan daerah, pemantapan prestasi pentadbiran serta merawat kelemahan berkaitan aktiviti mutabaah langsung .

Program ini diadakan dwi

tahunan dan pelaksanaan kali ini telah dihadiri oleh pengerusi Tarbiah di peringkat negeri dan daerah seramai 130 orang.



## Tarbiah Mantap, Dakwah Cemerlang

30 Nov, Sg. Petani – Seramai 238 peserta yang terdiri pihak IPT, Belia, GEMA, serta rangkaian MUSLEH negeri KEDAH telah menghadiri Konvensyen Tarbawi yang di adakan di Institut Peladang Sungai Petani Program ini telah berjaya dilaksanakan oleh JKTD Sungai Petani.



Ianya merupakan salah satu wasail tarbiah dengan bertujuan untuk menyuntik semangat, memperkasa dan menjana kekuatan dikalangan ahli seta menyemarakkan dakwah dan tarbiah.

Antara yang hadir memberi-

kan pengisian adalah Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria (Pengerusi JKTP), Ustaz Muhd Hairozi Mohammad (Johor), Ustaz Ahmad Faridz Abdullah (Sepang, Selangor).

Turut hadir adalah barisan kepimpinan IKRAM Kedah.

## Mukhayyam di Jugra Menjadi Contoh

2 Nov, Banting – Mukhayyam Tarbawi peringkat negeri Selangor telah berjaya dilaksanakan oleh J/K Tarbiah Negeri Selangor dan pihak konsultan. Program yang di adakan di Baitunnur, Jugra yang disertai oleh seramai 90 orang ahli IKRAM dari seluruh negeri telah menggariskan beberapa objektif yang bertujuan menghimpunkan pengerak tarbiah, memantapkan tarbiah ruhiah, latihan kemahiran dan memperkasakan arkanul baiah di kalangan peserta.

Program yang berlangsung



selama 3 hari 2 malam ini dipenuhi dengan pengisian rohani dan jasmani yang mantap yang bersifat ukhwhah serta penekanan disiplin di sepanjang program. Format pelaksanaan program ini juga menjadi tanda aras yang bakal dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah .

## Rehlah dan Tamrin

30 Nov, Sbrg Perai – Program selama 2 hari anjuran IKRAM Seberang Perai Tengah untuk ahli halaqah ahli biasa dan keluarga ahli aktif serta ahli teras pada 30 November dan 1 Disember 2013 di Pulau Sayak, Kedah. Rehlah ini disertai oleh 12 orang guru di Tadika Amal Rintis dan 5 keluarga ahli aktif dan teras. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan ukhuwwah Islamiah ,memupuk perasaan hidup berjamaah, meningkatkan keyakinan diri dan tadab-



bur alam untuk merasai keagungan dan kebesaran Allah dengan melaksanakan aktiviti luaran bersama dan qiamullail.

## Katibah Perkukuh Ukhuwah


28 Nov, Kuala Terengganu – Seramai 70 orang ahli teras dan ahli aktif IKRAM telah bersama-sama hadir di dalam program Katibah yang dilaksanakan oleh IKRAM Daerah Kuala Terengganu.

Dengan adanya program katibah ini , ianya akan menjadi medan kepada ahli-ahli aktif dan teras bagi menguatkan serta memperkukuhkan bekalan ruhi, mengeratkan ukhwhah serta mempertingkatkan disiplin bagi

meneruskan kerja-kerja dakwah di bumi Allah

Program yang bermula seawal jam 6 ptg dilaksana dengan penuh tertib seperti ketepatan waktu, sentiasa berwuduk, bersederhana, keharmonian serta berukhwhah.





## Taujih Tarbawi di Atas Jalan Dakwah - Sheikh Mustafa Masyhur -

1. Kita mahu seorang akh contoh, berani dan sanggup menanggung bebanan(tanggungjawab), rendah diri dan mengutamakan kesungguhan, sangat pemalu(untuk melakukan yang terlarang), mempunyai jiwa yang halus, cepat terkesan dengan perkara yang baik dan buruk, dia bergembira dengan kebaikan dan merasai sedih dengan keburukan yang dilihat, bersifat tawadhu'(rendah diri) dalam keadaan bukan menghina diri dan tidak juga sampai tunduk dan mengampu.
2. Kita mahu seorang muslim yang bagus dan baik dalam adab-adab islam dan budayanya, etika, sapaan, loghat, pakaian, ketekunan bekerja, amanah dan kesetiaan, bahkan ketika majlis kegembiraan dan kedukaan, dan kita tidak sekali-kali membuka ruang kepada adat-adat asing untuk mewarnai aspek kehidupan dalam masyarakat.

3. Kita mahu orang-orang yang memberikan kepada kita diri dan hartanya untuk diinfakkan fisabilillah. Kita mahu orang-orang yang sabar, berkorban, tsabat dan sanggup menanggung bebanan dakwah dan amal, serta menghargai betapa beratnya tanggungjawab dan amanah.
4. Kita mahu seorang akh muslim yang bersifat adil dalam semua keadaan, benar dalam kata-kata tanpa menipu, hati yang penyayang, baik tingkah laku dalam pergerakan, aktiviti dan kehidupan sehari-hari.

5. Kita mahu setiap akh yang berada dalam saff bersifat positif, sibuk dengan dakwahnya dan sentiasa memikirkan dakwahnya, memberikan cadangan yang difikirkan membawa kemanfaatan dan menjauhkan kemudharatan, membantu kepimpinan dengan pendapat dan dan nasihat sesuai dengan adab Islam.
6. Akhir sekali, bergembiralah ya akhi dan sukacitalah ketika engkau mendapati waktumu disibukkan dengan amal, dan tenagamu digunakan di medan-medan dakwah. Itulah kelebihan dari Allah swt : **“Katakanlah (Muhammad) : Dengan kurnia Allah dan rahmatNya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Itu lebih baik daripada apa yang mereka kumpulkan.”** (Yunus : 58)

قُلْ هَلْ يَدْرِيءُ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ (Surah Yusuf : 108)

## Memoir Seorang Muwarrith(1)



Dalam usia yang semakin menginjak senja, bila akhuna alhabib Ustaz Tajul Arifin (Pengerusi Jawatankuasa Tarbiah Pusat) meminta saya menulis sesuatu tentang 'alittaurith' (proses pewarisan dalam dakwah/tarbiah), silih berganti dan bertaliarus kenangan-kenangan lalu bermain dalam ingatan dan perasaan insan kerdil ini. Banyak yang boleh di rakam dan di nukilkan, namun dalam kesempatan ini saya akan mulakan dengan peristiwanya ini.

Sekitar pertengahan tahun 70an di sebuah rumah pangsa di satu kawasan perumahan di kota Kaherah, saya di ajak oleh Ustaz Abdul Rahim Yusof (Negeri Sembilan) menghadiri satu pertemuan dengan sahabat-sahabat, sejak awal saya sudah menyedari bahawa ini adalah pertemuan dengan sebahagian ikhwah yang akan bersama dalam usaha dakwah dan islah di kalangan para pelajar Malaysia di Kaherah dan di tanah air apabila pulang nanti. Masih segar dalam ingatan bagaimana Ustaz Abdul Rahim pernah beberapa kali datang ke bilik asramaku di 'Madinat al-Bu'uuth al-Islamiyyah' untuk bertaaruf dan berbincang tentang situasi PMRAM, tentang para pelajar Malaysia di

Kaherah juga pekembangan-pekembangan di tanah air.

Di 'Madinat al-Bu'uuth al-Islamiyyah' itu saya tinggal di tingkat pertama blok 6, bersama dalam satu bangunan Ustaz Haji Abdul Hadi Awang yang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dalam al-Siasah al-Syariyyah beliau di tingkat 2, di tingkat 3 Ustaz Zainal Abidin Ahmad Al-Hafiz yang menyempurnakan ijazah pertama dalam bidang syariah(Timbangan Mufti Terengganu sewaktu pemerintahan PAS 1999-2004) di tingkat yang sama dengan saya juga tinggal Ustaz Abdullah Abbas Abu Bakar (kemudiannya Doktor Abdullah Abbas ketua hakim syarie Terengganu dalam era yang sama).

Dalam pertemuan itu wajah-wajah yang masih kekal dalam ingatan ialah Ustaz Alias Othman, Ustaz Abdul Rahim Yusof, Ustaz Mohd Farid Sheikh Ahmad, Ustaz Mohd Kamil Abdul Majid, Doktor Adam Mat Lana(almarhum), sahabat-sahabat yang lain lagi rakaman memori ini sudah mula luntur ingatannya

Sejak di beritahu untuk hadir di pertemuan ini saya sudah yakin ini adalah usaha yang ada kaitan dengan IM. Setiap ikhwah di minta untuk bercakap dan menyatakan sesuatu yang ingin di luahkan, sampai giliranku aku memulakan dengan doa ini (Allahhumma thohhir qolbi.....) saya ingin menegaskan dengan

mukaddimah ini (doa ini) bahawa  Dr Zawawi Ali – I'Allah – saya akan bersama dalam usaha ini, perjalanan ini, pengembaraan ini, qafilah ini, malah perjuangan ini dengan penuh kesetiaan dan keikhlasan (dengan pertolongan Allah).

Menyusul selepas itu ialah pertemuan mingguan (Halaqah) dengan murabbi bermula dengan pelajar senior perubatan Dr. Abdul Muhaimin (kini pakar perubatan di Arab Saudi), kemudian diambil alih oleh Abu Mus'ab pelajar pengajian Islam peringkat sarjana (beberapa tahun lepas profesor di Universiti Islam Antarabangsa Islamabad Pakistan), sehinggalah aku melangkah kakiku menaiki pesawat Pakistan Airline pulang ke tanahair Februari 1977. Sekian.

**“S**ungguhnyanya masa depan Islam terletak di bahu generasi baru Islam. Oleh itu, berdakwahlah kepada mereka dengan sebaik-baiknya. Bersungguh-sungguhlah dalam membentuk mereka. Susunlah mereka di bawah panji-panji Muhammad s.a.w. Penuhilah jiwa mereka yang penuh potensi itu dengan keindahan Al-Quran dan kehebatan iman, pasti anda akan melihat dalam masa yang tidak terlalu jauh pemerintah muslim yang mampu menguasai diri dan memberi kebahagiaan kepada orang lain di sekelilingnya”. (Imam Al-Banna)



## Apa Ertinya Intima' Saya Kepada Dakwah

**B**uku 'Apa Ertinya Intima' Saya Kepada Dakwah' menuntut dari da'ie agar sentiasa memperbetul serta memperbaharui intima'nya dari masa kesemasa.

Sekiranya ada intima yang hakiki terhadap dakwah ini maka akan sedikitlah golongan yang gugur di jalan dakwah, akan sucilah hati-hati dan bersatulah pemikiran, akan teruslah da'i itu berdakwah samaada dia dihadapankan atau dikebelakangkan, tidak akan berlakulah kecuiaan terhadap kewajipan atau kecuiaan dlm melaksanakan taklif, akan berlumbalah para da'i melaksanakan kewajipan infaq, akan berlakulah sifat mendengar serta mentaati tanpa ragu dan teragak-agak, akan thiqah dan percayalah pengikut dgn fikrah pemimpin dan akan menangislah orang yang cuai, dan para mujahid akan mencela diri mereka kerana inginkan ganjaran dan pahala yg lebih.

### Makna Intima Dakwi

Untuk memenuhi makna intima saya kepada dakwah maka saya mestilah:

1. Mengetahui dan menguasai sejarah dan suasana kemunculan dakwah ini.
2. Mengambil tahu kepercayaan yang menjadi dasar kepada dakwah ini.
3. Menerima sepenuh hati ghayah, matlamat dan wasilah dakwah.
4. Meguasai manhaj dakwah dari sudut perlembagaan dan peraturan-peraturan.
5. Beriltizam dengan pendirian dakwah saya.


### Kelayakan dan Persediaan

Tabiat jalan dakwah menuntut dari para duat kelayakan dan persediaan tertentu. Perkara ini merupakan faktor penting untuk kejayaan dakwah dan pencapaian matlamatnya. Di antara sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh seseorang yang berintima' kepada dakwah adalah, keimanan yang mendalam, iradah yang kuat, kesungguhan dan himmah yang tinggi, qudwah hasanah, bersifat lemah lembut dan menyelesaikan, menjaga kerahsian, kesetian yang teguh sangat menjaga masa dan tersusun segala urusannya.

### Tugasan-tugasan yang praktikal

Seorang yang berintima kepada dakwah mestilah menumpukan lebih kepada aspek amali, ini kerana medan berkata-kata tidak sama dengan medan amal. Daie yang berangan menyangka bahawa dakwah akan mendapat kemenangan dengan hanya berkhayal. Mereka adalah penganggur dakwah yang telah diserang penyakit hati. Oleh itu para duat mestilah mengambil berat terhadap tugasan yang bersifat amali antaranya:

1. Saya mestilah menjadi penyumbang yang positif kepada dakwah saya.
2. Saya mestilah sentiasa bersedia untuk menunaikan kewajipan harta terhadap dakwah saya.
3. Saya mestilah beriltizam dengan pilihan jamaah dari



sudut fiqah.

4. Saya mestilah beriltizam dengan wasail tarbiah yang ditentukan oleh dakwah untuk pembentukan saya.
5. Thiqah dan menghormati kepimpinan di semua peringkat.
6. Melaksanakan tuntutan ukhuwwah.
7. Terlibat bersama-sama dalam semua aktiviti jamaah yang umum.
8. Memantau berita dakwah dari sudut pembacaan, pendengaran, dalaman dan luaran.

### Amaran dan halangan

Seorang da'i yang berintima' dengan dakwah mestilah sentiasa berwaspada dengan halangan-halangan dan ancaman-ancaman yang boleh memesongkannya dari jalan dakwah, antaranya:

1. Menyebarkan khilaf dan perpecahan,
2. Mewujudkan kumpulan-kumpulan kecil yang ta'assub dengan pendapat sendiri dan menentang pendapat lain dan kepimpinan sehingga menghalang mereka dari sikap tolong menolong atau saling membantu,
3. Terbiasa dengan sifat ta'assub dengan pandangan peribadi dan menganggap pendapat dai'e yang lain pula batil,
4. Berdebat dan berbantah-bantah,
5. Mengutamakan maslahat khusus (peribadi) dari maslahat umum (jamaah),
6. Kerap memberi alasan untuk tidak hadir pertemuan-pertemuan tarbiah yang berkala.
7. Keinginan kepada jawatan kepimpinan dan keyakinan diri yang melampau.
8. Tidak mempunyai pandangan yang jelas terhadap matlamat dan wasilah.

Semoga Allah swt memberi taufik dan menjadikan kita pendokong dakwah yang benar intima'nya dengan dakwah serta istiqamah selamanya..



Imam Hassan Al-Banna pernah mengungkap halangan



dan cabaran dakwah Ikhwan Muslimin dalam risalah yang bertajuk “Antara Semalam dan Hari Ini”. Dengan izin Allah, beliau seolah-olah mendapat gambaran apa yang akan berlaku terhadap Ikhwan Muslimin pada masa hadapan.

Kini, setiap satu persatu halangan ini terjadi dan sedang ditempuhi oleh ahli Ikhwan Muslimin dan penyokong mereka. Namun, mereka tetap teguh dengan pendirian mereka kerana meyakini bahawa kemenangan itu adalah milik Allah dan Allah akan mengurniakan kemenangan untuk mereka apabila tiba masanya. Berikut adalah petikan ungkapan tersebut:

“Kejahilan masyarakat tentang Islam yang sebenar akan menjadi halangan di sepanjang jalan kamu. Kamu akan mendapati sebahagian tokoh agama dan ulama’ rasmi memandang asing kefahaman kamu tentang Islam dan dan mengingkari jihad kamu dalam memperjuangkan kefahaman tersebut. Para penguasa, pemimpin, dan orang-orang yang memiliki pengaruh serta kekuasaan, akan dengki dengan kamu. Semua kerajaan secara bersama-sama akan menentang kamu. Setiap kerajaan akan menyekat kegiatan kamu dan mereka akan mewujudkan pelbagai sekatan di sepanjang jalan kamu.

Para perampas akan saling bekerjasama menggunakan apa sahaja cara untuk menghapuskan kamu dan melenyapkan cahaya dakwah kamu. Mereka akan mempergunakan segala kerajaan yang lemah, golongan yang berakhlak buruk dan golongan yang (pada satu masa) menghulurkan tangan mengharapkan bantuan mereka dan (dalam masa yang lain) menghulurkan tangan menindas dan memusuhi kamu.

Semua pihak akan menimbulkan pelbagai syak wasangka dan tuduhan keji terhadap dakwah kamu. Mereka akan berusaha mengaitkan setiap cacat cela dengan dakwah kamu dan mempamerkannya kepada masyarakat dengan seburuk-buruk gambaran. Mereka akan menggunakan segala kekuatan dan kuasa yang ada

pada mereka dan juga menggunakan harta (kekayaan), pengaruh (lobi) dan media mereka

يُرِيدُونَ أَنْ يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ إِلَّا أَنْ يُنِيمَ نُورَهُ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian). (At-Taubah: 32)

Dengan demikian, tidak diragukan lagi, kamu akan melalui era ujian dan cubaan;

- (1) kamu akan dipenjara,
- (2) kamu akan dibunuh,
- (3) kamu akan ditahan,
- (4) kamu akan diusir,
- (5) harta-harta kamu akan dirampas,
- (6) kerja-kerja kamu akan dinafikan (dianggap tiada)
- (7) dan rumah-rumah kamu akan digeledah (serta diawasi).

Boleh jadi ujian ini akan berlaku dalam tempoh yang lama. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata:

أَحْسِبَ النَّاسَ أَنْ يَتَرَكُوا أَنْ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ

“Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? (Al-Ankabut: 2)

Namun, Allah janjikan kamu kemenangan bagi mereka yang berjuang. Allah janjikan ganjaran bagi mereka yang benar-benar beramal.

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تَجْرَةٍ تُنَجِّيْكُمْ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ (10) تَزْمُونُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (11) يَعْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ

وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَسَاكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّاتٍ عَدْنٍ

ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ (12) وَأُخْرَىٰ

تُحِبُّونَهَا نَصْرٌ مِنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ وَبَشِيرٌ

لِلْمُؤْمِنِينَ (13) يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا

كُونُوا أَنْصَارَ اللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ

لِلْحَوَارِيِّينَ مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ

الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ فَتَمَّتْ طَائِفَةٌ

مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَكَفَرَتِ طَائِفَةٌ فَأَيَّدْنَا

الَّذِينَ ءَامَنُوا عَلَىٰ عَدُوِّهِمْ فَاصْبَحُوا

ظَاهِرِينَ (14)

Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan rasul-Nya, serta kamu berjuang mem-bela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(Dengan itu) Allah akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam Syurga “Adn”. Itulah kemenangan yang besar. Dan ada lagi limpah kurnia yang kamu sukai, iaitu pertolongan daripada Allah dan kemenangan yang dekat (masa berlakunya). Dan sampaikanlah berita yang mengembirakan itu kepada orang-orang yang beriman.

Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu penolong-penolong (agama) Allah sebagaimana (keadaan penyokong-penyokong) Nabi Isa ibni Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokong-penyokongnya itu: Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agama-Nya)? Mereka menjawab:

Kamilah penolong-penolong(agama) Allah!(Setelah Nabi Isa tidak berada di antara mereka) Maka sepuak daripada Bani Israil beriman, dan sepuak lagi (tetap) kafir. Lalu Kami berikan pertolongan kepada orang-orang yang beriman untuk mengalahkan musuhnya, maka menjadilah mereka orang-orang yang menang. (As-Saff: 10-14)

Adakah kamu masih menegaskan untuk menjadi penolong (agama) Allah?”



## TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT  
- PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA -

### Ketua editor :

Azamuddin Mohd Maarof

### Konsep/Layout/Grafik :

Hanafi Sudi@Yusoff

### Penulis Jemputan :

Dr Zawawi Ali

Sheikh Mohamed Hamed Elawa  
Ustaz Muhaimin Mohammad Sahar  
Ustaz Wan Ahmad Sanadi  
Shahrul Aman Mohd Saari

### Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiyah Pusat,  
Pertubuhan IKRAM Malaysia  
(IKRAM),

No. 9, Jalan Dagang SB 4/1,  
Taman Sungai Besi Indah,  
43300 Seri Kembangan,

Selangor Darul Ehsan MALAYSIA  
Tel: +603-8945 6999, +603-8945 3666

Fax: +603-8945 1772



tarbiatuna.ikram@gmail.com

### Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd

No. 68, Jalan Mas Jaya 1,

Kawasan Perindustrian Mas Jaya,

Batu 9, 43200 Cheras,

Selangor Darul Ehsan,

Tel: 03-9076 6311 Fax: 03-9075 4311

E-Mail : mashipublication@yahoo.com

Website : www.mashipublication.com

## PENA AHLI



### Kekuatan Senjata Pena

□ Wan Ahmad Sanadi, JK Tarbiyah Daerah, Shah Alam

**P**erkembangan dunia komunikasi, informasi dan media yang semakin berkembang luas menuntut kita untuk melahirkan karya-karya produktif, inovatif dan kreatif. Ia sedikit sebanyak membuka ruang untuk kita membendung terjahannya arus globalisasi dewasa ini melalui “dunia pena” sebagai wadah untuk menampung inspirasi, pemikiran dan apa sahaja yang menyentuh kehidupan peribadi dan masyarakat. Dengan “dunia pena” ini kita mampu untuk memerdekakan diri terhadap pengaruh apa sekalipun di samping memiliki jati diri di tengah-tengah lingkaran globalisasi dan kapitalisma.

Para ulama’ salaf zaman dahulu telah menunjukkan semangat untuk menulis dan mereka justeru hidup penuh dengan keberkatan, di mana tulisan mereka mencerahkan umat manusia hingga ke akhir zaman. Dengan usia mereka yang terbatas, menulis menjadikan kemanfaatan ilmu mereka tidak terbatas.

Menulis adalah mengikat jejak kefahaman. Akal kita sebagai kurniaan Allah ‘Azza wa Jalla, begitu agung daya kekuatannya untuk menampung sebegitu banyak data, namun, kita kadangkala menghadapi kesulitan untuk mengeluarkan apa yang telah tersimpan lama di dalam jalur rumit otak kita.

Maka menulis adalah menyusun kata kunci untuk membuka khazanah akal. Demikianlah kita fahami dari kalimah indah Imam Asy-Syafi’ie ; “Ilmu adalah binatang buruan dan pena yang menuliskan adalah tali pengikatnya.”

Menulis juga adalah sebahagian dari tugas iman kerana makhluk yang pertama ialah pena, ilmu yang pertama ialah bahasa dan ayat yang pertama berbunyi “Baca!”.

Ibnu Taimiyah dalam “Majmu’ Fatawa” yang mengutip riwayat Imam Ahmad berkata :

“Makhluk pertama yang dicipta-Nya ialah pena, lalu Dia berfirman, “Tulislah!” Tanya Pena, “Apa yang kutulis, wahai Rabbi?” Maka Allah titahkan, “Tulislah segala ketentuan yang Kutakdirkan bagi semua makhluk-Ku sejak awal zaman hingga akhir waktu.”

Demikianlah ilmu yang diajarkan kepada Nabi Adam berupa bahasa, kosa kata dan nama-nama hingga membuatkan baginda unggul ke atas para malaikat yang diperintahkan bersujud padanya seperti yang tertera dalam ayat 31 Surah Al Baqarah

Semoga Allah berkati setiap kata-kata yang mengalir dari hujung jari jemari kita. Sungguh, susunan suatu kalimah yang baik mampu menggugah jiwa manusia dan mengubah arah kelajuan dunia.



### Harapan Pemuda

□ Shahrul Aman Mohd Saari, JKP Belia & Remaja

**S**aya mulakan kalimah di Tarbiatuna keluaran ulung ini dengan menegaskan bahawa menjadi tanggungjawab yang menanti di leher setiap ahli untuk memastikan kesinambungan dakwah & perjuangan Islam yang mulia ini kepada generasi muda yang mendatang. Dinding masa depan bermula sekarang dengan barisan baru dan natijah akan terserlah melepasi 10 tahun mendatang. Izinkan saya menegaskan beberapa pengharapan berkenaan konteks ini berdasarkan pengamatan sedikit di lapangan.

(1) Kita mengimpikan generasi muda yang mempunyai iman yang mendalam, berani menyatakan kebenaran dan bangun beramal secara proaktif dan strategik; bersesuaian pengiktirafan Allah Subhanahu wa Ta’ala di dalam surah al-Kahfi ayat 12 dan 13.

(2) Kita mengimpikan generasi muda yang kekal tsabat di atas jalan ini, disiplin dengan manhaj, iltizam dengan wasilah tarbiyah dan taat kepada tanzim selari dengan piawai 10 rukun bai’ah yang dirumuskan as-syahid Sheikh Hassan Al Banna.

(3) Kita mengimpikan generasi muda yang akan meneruskan nafas dakwah dengan mempertahankan perjalanan, institusi dan hubungan dakwah ini dengan semangat generasi Quran yang unggul (Jilul Qurani Farid), berjiwa besar, bercita-cita tinggi (Himmah A’liyah) dan tidak kenal erti henti (Mujahadah). Adalah menjadi kerugian besar tatkala usaha dakwah terputus dan generasi terkemudian bermula kembali (Recreate the Wheel) kerana tidak menjiwai perjuangan asal.

(4) Kita mengimpikan ‘Al-Fatih’ yang akan membina kejayaan yang baru (new frontiers dan mengubah lanskap dakwah melebihi pencapaian sedia ada status quo) ke arah mihwar seterusnya; tanpa menafikan jasa baik ikhwah dan akhawat yang sudah puluhan tahun mendahului usaha baik ini. Malah didoakan bersesuaian dengan surah al-Hashr ayat 10.

(5) Kita mengimpikan generasi muda yang berada seiring di lapangan dan turut mewarisi pengalaman berharga samada baik mahupun perit daripada generasi awalan. Malah inilah masanya generasi muda untuk memulakan langkah membantu berperanan dalam memimpin di semua peringkat.

Ayoh kita rancakkan dan tingkatkan lagi sinergi ‘Hikmah as-Syuyukh wa Hamasah as-Syabab’ di semua lapangan yang ada; dari bersukan di padang bola ke berqiamulail di masjid-masjid, dari khidmat masyarakat di kampung-kampung ke menyantuni NGO Islam dan bukan Islam, dari berceramah di dewan-dewan ke bermesyuarat di peringkat daerah, negeri dan pusat berkenaan polisi, strategi dan eksekutif. Resipi kombinasi ini tiada penghujungnya. Wallahua’lam.